

29 OCT 2003

Mahathir-Dunia (I)

MALAYSIA DIKENALI DUNIA KERANA SUARA KEBENARAN DAN KEADILANNYA

Fokus Berita Oleh: Kuah Guan Oo

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Demi mengejar cita-citanya mencipta rekod mengelilingi dunia dengan memandu Proton Satria secara solo, Shamsurrijal Abdul Jalil dalam usia 38 tahun memulakan perjalanannya.

Apabila ditemui di Algiers pada Ogos lepas, beliau yang lebih dikenali sebagai "Sham" telahpun mengharungi laluan merentasi India, Asia Barat, Asia Tengah dan Afrika Utara, dan dalam banyak cerita yang beliau kumpul sepanjang perjalanan itu, satu sahaja yang paling menonjol.

Pada kebanyakan kali apabila beliau terpaksa bermalam dan berehat di kampung-kampung pedalaman dan bandar-bandar kecil, masyarakat tempatan tidak menafikan pernah mendengar mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Malaysia.

Sham berkata mereka ini bukan sahaja menyambut baik kedatangan beliau malahan turut menyediakan makanan dan tempat tinggal, di samping terus bertanya bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai negara ini seolah-olah untuk mengesahkan apa yang mereka dengar atau baca mengenai Malaysia.

Dari Algiers di mana Dr Mahathir berkesempatan menemui Sham di samping meniupkan semangat kepada beliau untuk mencapai impian solonya, Perdana Menteri telah meneruskan lawatan ke Damascus untuk mengadakan perbincangan dengan para pemimpin, ulamak dan ahli perniagaan Syria.

Di sana pula, ramai orang berhimpun di luar hotel-hotel atau pejabat kerajaan untuk melihat sekali imbas wajah pemimpin Malaysia itu yang telah mereka dengar atau baca mengenainya.

MENARA BERKEMBAR

Menara Berkembar Petronas, yang dikatakan sebuah projek besar oleh Dr Mahathir tetapi sebaliknya telah diperkecilkan oleh media Barat, sudah semestinya dapat melenyapkan banyak tanggapan salah masyarakat Barat mengenai Malaysia, yang setidak-tidaknya bahawa rakyat Malaysia tinggal di atas pokok.

"Malaysia? Menara Berkembar Petronas!" kata seorang artis komedi Harith Iskandar ketika beliau menghiburkan penonton dengan jenaknya mengenai reaksi orang Barat bila bertemu beliau setelah menara berkembar berdiri megah di awan biru Malaysia.

Selain daripada mempunyai bangunan tertinggi di dunia sehingga diambilalih oleh pencakar langit Taipei di Taiwan pada 17 Okt lepas, Malaysia kini turut dikenali kerana suara kebenaran dan keadilan.

Dr Mahathir dan Malaysia dikenali kerana pandangan dan pendiriannya mengenai banyak isu berhubung negara-negara Dunia Ketiga, maupun ia menyentuh mengenai politik ataupun ekonomi dan sosial.

Tamparan terbaru, yang lebih ditujukan kepada dunia Barat, ialah tentangan terhadap kaum Yahudi yang dilihat mengatasi undang-undang dan norma-norma antarabangsa, tindakan pembunuhan, pengeboman rumah dan pengusiran rakyat Palestin daripada tanahair mereka.

KEBENARAN DAN KEADILAN

Dr Mahathir telah memilih tempat yang sesuai, iaitu Persidangan Pertubuhan Islam di sini dua minggu lepas, bagi menyatakan adakah wajar untuk membunuh dan melakukan pemusnahan dan pada masa yang sama mengecam ekstrimis Islam kerana tindakan bom berani mati dan membunuh orang tidak bersalah.

Ia merupakan satu ucapan yang seimbang dan pemikiran yang tajam tetapi

akhbar Barat sebaliknya memilih untuk mengetengahkan hanya bahagian ucapan mengenai Yahudi untuk menggelar beliau sebagai "anti-semitik".

Bagaimanapun ini bukan suatu yang baru sekiranya ia mengenai Dr Mahathir. Sudah banyak kali sama ada dalam forum antarabangsa atau kebangsaan apabila beliau berucap bagi pihak negara sedang membangun dan yang tertindas, media Barat akan memilih untuk mengetengahkan hanya perkara-perkara yang lebih dapat diterima oleh negara maju.

"Adakah kita tidak dibenarkan untuk berkata bahawa kita marah dengan Yahudi? Adakah kaum Yahudi satu jenis makhluk yang tidak boleh dikecam untuk apa cara sekalipun", tanya Dr Mahathir pada Isnin lepas selepas ketegangan dimulakan oleh akhbar Barat dan kerajaan-kerajaan yang berkenaan.

"Saya bukan anti-Semitik ... Saya menentang kaum Yahudi yang membunuh orang Islam dan orang Yahudi yang menyokong pembunuh orang Islam," katanya.

Dengan menekankan bahawa beliau mengecam pihak Eropah seperti mana beliau mengecam kaum Yahudi, Dr Mahathir berkata, "Anda berkata anda tidak dipengaruhi oleh Yahudi, sebaliknya apabila saya mengkritik kaum Yahudi, seluruh Kesatuan Eropah mahu mengutuk saya.

"Tetapi apabila seseorang mengutuk orang Islam, menyebut Nabi saya "pengganas", adakah Kesatuan Eropah berkata apa-apa? Ini menunjukkan bahawa mereka di bawah telunjuk Yahudi."

PETANDA AWAL

Sejak lebih 22 tahun dalam pentadbirannya, Dr Mahathir telah bercakap mengenai banyak isu melibatkan bukan sahaja Malaysia malahan banyak negara sedang membangun, menambahkan lagi kaliber beliau sebagai seorang pemimpin dan prestij kepada Malaysia sebagai sebuah negara di bawah ambang status sebuah negara maju.

Sekiranya ada sebarang bayangan bagi kelantangan suara walaupun ianya bukan sifat semulajadi Dr Mahathir pada tempoh awalnya, tetapi pada Mei 1978 apabila beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, beliau menyatakan bahawa Malaysia mungkin melancarkan satu "perang perdagangan" dengan Australia terhadap dasar perdagangan Canberra yang bersifat perlindungan dan kenaan duti import sebanyak dua kali ganda bagi kayu bergergaji dan siap diproses.

Kemudian muncul pula dasar "Pandang ke Timur" beliau pada dua abad lepas apabila beliau mencadangkan kepada rakyat agar mencontohi sifat rajin bekerja masyarakat Jepun dan Korea Selatan untuk pembangunan negara masing-masing.

Pada tahun 1992 apabila isu alam sekitar dikemukakan pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Dr Mahathir dan pemimpin Dunia Ketiga yang sependapat telah berusaha untuk memastikan isu alam sekitar tidak akan menjejaskan dagangan mereka, dan kos untuk memelihara alam sekitar dunia ditanggung oleh negara-negara maju.

Dua tahun kemudian, Dr Mahathir menggegarkan dunia apabila beliau mengumumkan satu tindakan pemulauan terhadap firma-firma British selama tiga bulan atau dasar "Beli Akhir Barangan Britain" kerana dakwaan penyelewengan di Malaysia.

IMF DIRAGUI UNTUK PERTAMA KALI

Daripada semua dasar dan tindakan beliau sejak lebih 22 tahun, yang paling ketara ialah kehebatan beliau mengatasi masalah dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika krisis kewangan melanda Asia Tenggara pada tahun 1997.

Tidak pernah sebelum ini pemulihan IMF untuk ekonomi yang mengalami keadaan tenat -- sama ada ianya di Amerika Selatan, Afrika atau Filipina -- dipersoalkan dan ia dibuktikan salah apabila Dr Mahathir dapat memulihkan

kembali ekonomi Malaysia.

Cuma beberapa hari sebelum beliau mengundur diri, Dr Mahathir dengan tegas menyamakan "keganasan ekonomi" dengan manipulasi mata wang kerana ia memudaratkan seluruh bangsa dan rakyat, mengakibatkan penderitaan dan kesusahan.

Beliau sentiasa mengemukakan pandangan bahawa perlu ada cara yang baik bagi rakyat dan negara untuk hidup secara damai. Untuk tujuan ini, beliau begitu berusaha untuk menjayakan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 1985 dan forum, Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID).

MEMAJUKAN JIRAN

Mesejnya dalam forum-forum berkenaan adalah terang dan jelas: dagangan antara negara dan bangsa seharusnya berasaskan "memajukan jiran" dan bukannya "memiskinkan jiran".

Rasional di sebalik mesejnya juga adalah mudah: adalah lebih baik mempunyai jiran yang kaya daripada mempunyai jiran yang miskin yang boleh mendatangkan masalah.

Disebabkan dagangan jugalah beliau telah menjadi hos mesyuarat G-15 pertama pada 1990, yang bertujuan memberi peluang kepada negara-negara membangun terpilih, yang telah maju di antara negara-negara Dunia Ketiga, supaya mereka menjadi contoh dalam mengadakan dagangan sesama mereka.

Sekarang, kebanyakan negara-negara dan masyarakat Dunia Ketiga kenal Dr Mahathir dan Malaysia dan apa yang mereka pertahankan. Mereka juga tahu bahawa Dr Mahathir telah berjaya memajukan Malaysia ke arah sebuah negara yang agak kaya.

BAGAIMANA IANYA BERLAKU?

Pada bulan July lepas, seorang wartawan muda dari Uganda membuat liputan di Dialog Antarabangsa Langkawi dan setelah melihat-lihat di sekitar Kuala Lumpur, berkata beliau mendapati agak sukar untuk percaya akan kata-kata Dr Mahathir apabila beliau memberitahu para peserta mesyuarat SAID di Kampala pada tahun sebelumnya -- bahawa Kampala adalah lebih maju berbanding Kuala Lumpur apabila nama Malaysia muncul di dalam perbincangan.

"Bagaimana ianya berlaku?" beliau bertanya.

Rakannya dari Ghana yang lebih berpengalaman, yang berada di Kuala Lumpur pada awal 1970an ketika membuat liputan lawatan rasmi ketua negaranya, hanya menggelengkan kepala dan berkata, "ai-yai-yai, ini sungguh menakjubkan!". -- BERNAMA

KGO CR RR